

11/08/2003

Tempoh singkat rugikan parti

KEPUTUSAN MCA mengehadkan tempoh seseorang ahlinya memegang jawatan presiden parti kepada maksimum sembilan tahun seperti diluluskan sebulat suara dalam perhimpunan agung parti itu semalam, ada kesan buruknya dan tidak semestinya sesuai untuk parti lain. Ini kerana dalam tempoh masa yang singkat, tidak banyak yang dapat disumbangkan oleh seseorang pemimpin kepada pembangunan parti dan negara. Jika pemimpin itu seorang yang baik dan mantap, parti akan rugi kerana ia hanya boleh berkhidmat selama tiga penggal, sedangkan jika ia gagal menjalankan tugas dengan baik, ahli boleh menolaknya secara demokrasi apabila ada pemilihan tanpa perlu menunggu tempoh sembilan tahun.

Seperti kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, langkah itu juga tidak sesuai untuk parti politik lain di negara ini kerana setiap parti mempunyai cara dan perlembagaannya sendiri. Mungkin tempoh sembilan tahun cukup bagi seseorang itu melaksanakan wawasan politiknya, tetapi ada masanya kepemimpinan seseorang itu amat diperlukan untuk tempoh yang lebih lama kerana faktor keadaan dan pengganti yang belum bersedia. Jika alasannya untuk mengelak perebutan kuasa dalam parti, isu itu tidak sepatutnya timbul kerana pemimpin yang gelojoh merebut kuasa bukanlah seorang pemimpin yang balik, sebaliknya ia sepatutnya menunggu masa sesuai bagi memastikan peralihan kuasa berjalan lancar.